

Dunia Wartawan

Perkembangan Surat Khabar di Negeri Jepun

Pada hari ini akhbar-akhbar harian Jepun berjumlah 240 buah dan jumlah siarannya 36 juta naskhah sehari. Tiga buah di antaranya telah mencapai tingkatan akhbar-akhbar yang besar di dunia.

Siaran akhbar “*Mainichi Shimbun*” 6 juta sehari

Sejarah surat khabar di negeri Jepun mulai tercatat apabila akhbar Jepun yang pertama diterbitkan dalam tahun 1868. Akhbar itu bernama “*Mainichi Shimbun*” di Yokohama. Lima tahun kemudian akhbar ini menjadi akhbar harian Jepun yang pertama.

Sebelum itu pernah diterbitkan bulanan atau mingguan Belanda dan Inggeris, khas mengenai berita pelayaran kapal-kapal dan iklan-iklan perniagaan.

Sesudah itu terbit pula tiga buah harian Jepun dengan berturut-turut, iaitu: “*Yomiuri*” (1874) di Tokyo, “*Mainichi*” (1876), dan “*Asahi*” (1878), kedua-duanya terbit di bandar Osaka.

Pada hari ini akhbar-akhbar harian Jepun berjumlah 240 buah dan jumlah siarannya ialah 36 juta naskhah sehari. Di antaranya ada yang telah mencapai tingkatan akhbar-akhbar yang besar di dunia.

Menurut siaran majalah “*Green Flag*” (sebuah majalah Islam) yang terbit di bandar Tokyo, bahawa: akhbar *Mainichi Shimbun* sekarang mempunyai siaran

6,118,581 sehari, dan akhbar *Asahi* pula ialah 5,892,797 sehari, manakala *Yomiuri Shimbun*: 2,003,795 sehari.

Dan di antara akhbar-akhbar bahasa Inggeris yang terbit di negeri Jepun, yang terbesar ialah akhbar harian “*Japan Times*”, diterbitkan di Tokyo dalam tahun 1897.

Majalah Islam

Sebuah majalah Islam berbahasa Inggeris, bernama “*Green Flag*” telah diterbitkan di Tokyo pada tahun 1953. Majalah ini diterbitkan oleh International Muslim Association. Ketua pengarangnya: Alias T. Sakuma.

Patut juga disebut, pertubuhan Islam ini mempunyai lembaga penasihat dari berbagai-bagai negeri Islam dan orang-orang Islam yang terkemuka, iaitu Jeneral Umar Fai Sun Shi (Yang di-Pertua Persatuan Cina Islam), Shit Tsu Chu (Naib Yang di-Pertua Persatuan Cina Islam), Salim Khan dari kedutaan Pakistan, Jenaral Izat Aksalur (Duta Turki), dan Prof. Dr. Abdul Aziz Azam (Penasihat Iktisad kepada Kerajaan Saudi Arabia).